



TABUNG HAJI
حي على الفلاح

SOALAN LAZIM

Haji

SOALAN LAZIM – HAJI

1. **Apakah syarat kelayakan untuk seorang Jemaah Haji Muassasah mendapat Bayaran Haji RM9,980 seorang?**

1. Layak Bayaran Haji RM9,980	2. Tidak Layak dan Bayaran Penuh RM22,900
Bakal Haji yang terpilih bagi tahun semasa yang menunaikan haji buat kali pertama dan secara Muassasah	<ul style="list-style-type: none">Bakal Haji yang terpilih bagi tahun semasa yang pernah menunaikan haji secara MuassasahHarga pakej adalah seperti yang ditetapkan oleh syarikat Pengelola Jemaah Haji (PJH) dan TH Travel & Services Sdn Bhd

3. **Adakah Bayaran Haji bagi Musim Haji 1440H kekal pada RM9,980 seperti tahun sebelum ini?**

Ya, kekal bagi mereka yang layak seperti di atas.

4. **Berapakah Bayaran Haji bagi Bakal Haji yang memegang status PR?**

Bayaran penuh dikenakan untuk Musim Haji 1440H seperti peraturan sedia ada iaitu RM22,900 seorang untuk jemaah yang memilih cara Muassasah.

5. **Adakah peningkatan Kos Haji disebabkan perubahan Kerajaan baru sekarang?**

Tiada kaitan kerana ini adalah sejajar dengan peningkatan kos langsung pengendalian haji seperti kos penerbangan, perkhidmatan kesihatan, pengangkutan, penginapan, sajian dan kos Masyair.

6. **Adakah kenaikan ini berpunca daripada kedudukan kewangan TH yang tidak kukuh?**

Tiada kaitan kerana ini adalah sejajar dengan peningkatan kos langsung pengendalian haji seperti kos penerbangan, perkhidmatan kesihatan, pengangkutan, penginapan, sajian dan kos Masyair.

7. **Adakah Bayaran Haji akan meningkat lagi pada tahun akan datang?**

Kos Haji dan Bayaran Haji akan diumumkan setiap tahun.

8. **Adakah negara lain memberikan subsidi haji kepada jemaah hajinya?**

Tiada maklumat untuk musim haji tahun ini.

9. **Adakah Bakal Haji yang membuat rayuan mahram, pengiring dan sebagainya pada tahun ini dan terpilih menunaikan fardhu haji akan menerima subsidi haji?**

Subsidi haji hanya diberikan kepada Bakal Haji yang terpilih bagi tahun semasa yang menunaikan haji buat kali pertama secara Muassasah, termasuk yang membuat rayuan bagi menunaikan haji tahun ini.

10. **Sekiranya Bakal Haji terpilih dengan menunaikan tawaran haji melalui kuota ATM/MAS/Petugas Syarikat Haji, adakah Bakal Haji berkenaan layak untuk menerima subsidi haji?**

Tiada sebarang peruntukan kuota khas kepada mana-mana pihak.

- 11. Adakah terdapat kemudahan atau perkhidmatan baru yang disediakan dengan peningkatan kos haji kepada RM22,900?**
Kos haji RM22,900 adalah kos langsung seperti kos penerbangan, perkhidmatan kesihatan, pengangkutan, penginapan, sajian dan kos Masyair sahaja.
- 12. TH turut memberikan perkhidmatan percuma kepada Jemaah Haji Muassasah seperti berikut:**
- Kursus-kursus di Tanah Air (Asas, Intensif, Perdana)
 - Petugas Kebajikan dan Perubatan termasuk doktor pakar, doktor perubatan, doktor gigi, jururawat dan physiotherapy
 - Penyediaan pusat rawatan/hospital di Makkah dan Madinah
 - Pembelian ubat-ubatan
 - Pusat perkhidmatan seperti kaunter kewangan, pembimbing ibadat haji
- 13. Adakah perkhidmatan yang diterima oleh Bakal Haji yang tiada subsidi lebih baik atau berbeza berbanding Bakal Haji yang menerima subsidi?**
Semua Bakal Haji Muassasah menerima perkhidmatan yang sama.
- 14. Adakah tempoh masa menjawab tawaran akan dipanjangkan bagi mencukupkan Bayaran Haji?**
Tempoh menjawab tawaran adalah seperti yang ditetapkan mengikut surat tawaran.
- 15. Adakah tempoh masa yang diambil oleh Bakal Haji di Tanah Suci akan dipanjangkan dengan kenaikan pada kos haji?**
Tidak.
- 16. Mengapa TH melaksanakan dasar tiada pendaftaran haji kali kedua (2)?**
TH ingin memberi peluang kepada lebih ramai rakyat Malaysia yang tidak pernah menunaikan fardhu haji melaksanakan Rukun Islam ke-lima (5). Kewajipan menunaikan fardhu haji disyariatkan hanya sekali seumur hidup.
- 17. Bagi jemaah haji yang telah menunaikan fardhu haji dan membuat pendaftaran haji kali kedua (2), adakah pendaftaran mereka di dalam sistem TH terbatal?**
Apa-apa pendaftaran terdahulu kekal. Syarat ini hanya terpakai bermula 28 Februari 2019 ke hadapan.
- 18. Bagaimana kuota haji setiap negara ditentukan oleh Kerajaan Arab Saudi?**
Kuota Haji Rasmi negara-negara OIC termasuk Malaysia adalah berpandukan pada Mesyuarat Pertubuhan Negara-Negara Islam (OIC) pada tahun 1978 di Amman, Jordan di mana pihak Kerajaan Arab Saudi menetapkan kuota haji setiap negara pada kadar 0.1% daripada jumlah penduduk sesebuah negara.
- 19. Berapa kuota haji rasmi Malaysia pada tahun ini?**
Kuota rasmi Malaysia adalah sebanyak 30,200 orang (berdasarkan perangkaan penduduk Malaysia pada masa kini).
- 20. Adakah TH menerima kuota tambahan pada tahun ini?**
Kerajaan Malaysia setiap tahun memohon kuota tambahan daripada Kerajaan Arab Saudi. Walau bagaimanapun keputusan tambahan kuota ini adalah hak mutlak Kerajaan Arab Saudi.

